


Pelancong dunia gemar makanan Jepun



Sushi antara makanan Jepun yang berjaya menawan selera dunia.

► KUALA LUMPUR:

Masakan Jepun yang kebanyakan menggunakan ikan muncul masakan ketiga terbaik yang menjadi pilihan 27,000 pelancong dari seluruh pelusuk dunia ketika mereka bercuti.

Kaji selidik oleh Hotels.com mengenai makanan terbaru yang diadakan di seluruh dunia mendapati makanan Jepun boleh menguasai cita rasa dunia suatu hari nanti.

Walaupun pelancong antarabangsa masih menggemari masakan Itali (32%) dan Perancis (24%), dengan masing-masing menduduki tempat pertama dan kedua dalam senarai masakan, hidangan dari Jepun semakin popular dengan cita rasa yang lebih kosmopolitan.

Hasil kajian juga mendapati 18 peratus daripada kesemua pelancong yang ditemui menggemari Sushi, Tempura,

Ramen dan Japanese Soba, terutamanya apabila ia dihidangkan di restoran mewah.

“Makanan Jepun dilihat sebagai contoh pemakanan yang sihat dan terdapat pelbagai restoran Jepun di setiap ibu negara yang pelbagai budaya.

“Saya juga seorang peminat setia masakan Jepun dan tidak terkejut dengan kedudukannya yang tinggi. Hakikat bahawa ia menewaskan hidangan percutian yang lebih tradisional seperti Tapas dan Burritos adalah bukti reputasi chef Jepun yang bertaraf dunia.” kata Alison Couper, dari Hotels.com.

Kajian itu turut menyenaraikan beberapa menu dari negara Asia lain dalam ranking 10 terbaik dunia termasuk China (13%), Thailand (8%), Taiwan dan India (5%).

Populariti makanan Paella dan Tapas meletakkan Sepanyol menduduki tempat

B/H 3/8/12 MS 3

kelima (11%) dalam senarai itu, manakala mereka yang meminati Burger dan Kentang Goreng telah membantu Amerika Syarikat menduduki tempat keenam (10%).

Sushi pilihan tertinggi

Sushi nasi bercuka (shari) dengan digabung bersama beberapa bahan lain seperti makanan laut mendapat undian tertinggi dengan 74% manakala Tempura di tangga kedua (57%) diikuti mee gandum halus (Ramen Mi) berkecik (33%).

Mi soba (Japanese soba) iaitu sejenis mi halus yang diperbuat daripada tepung di kedudukan keempat (31%).

Tinjauan juga mendapati hidangan Okonomiyaki iaitu sejenis penkek mengandungi pelbagai bahan seperti tepung, telur, kubis, udang atau makanan laut di tangga kelima dengan 27% undian.

Bernama

NOTIS BH

BH tidak terbabat dalam penganjuran pertandingan memancing Royal Pahang Billfish International Challenge 2012 dan BH tidak melantik ejen kutipan bagi acara berkenaan

Pengarang